

Disiplin fiskal, dasar kerajaan dorong nilai ringgit kukuh

Langkah suntik keyakinan pelabur, negara keluar daripada defisit perkhidmatan selepas 14 tahun

Oleh Zanariah Abd Mutalib
zanariah_mutalib(a)bh.com.my

Kuala Lumpur: Disiplin fiskal dan pengurusan negara yang lebih teratur, selain pelbagai dasar dilaksanakan kerajaan mendorong pengukuhan nilai ringgit sehingga mempunyai prestasi terbaik di seluruh Asia.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata semua langkah itu membantu dengan menyuntik keyakinan dalam kalangan pelabur sehingga negara kali pertama dalam tempoh 14 tahun, berjaya keluar daripada defisit perkhidmatan.

"Satu angka yang sangat menarik. Defisit kita dulu memang jadi masalah, tetapi angka bagi suku ketiga 2025, kita pertama kali mendapat lebihan dan tidak lagi defisit selepas 14 tahun defisit perkhidmatan. Dapat dilepaskan dan ada lebihan.

"Untuk perkhidmatan sahaja, RM0.7 bilion, selepas 14 tahun. Ini kerana perancangan ekonomi kita. Begitu juga baki akaun semasa, yang juga positif, iaitu 12.2 peratus dalam suku ketiga," katanya pada Waktu Pertanyaan Menteri di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau menjawab soalan asal Jimmy Pua Wee Tse (PH-Tebrau) mengenai punca utama yang mendorong pengukuhan nilai ringgit, yang kini berada pada paras paling tinggi, berbanding dolar Amerika Syarikat (AS) dalam tempoh hampir empat tahun dan bagaimana itu dapat membantu pembangunan ekonomi secara keseluruhan, khususnya kepada manfaat rakyat.

Mengulas lanjut pengukuhan nilai ringgit, Perdana Menteri memaklumkan sehingga 14 November lalu nilai ringgit meningkat kepada 8.21 peratus, berbanding dolar Amerika Syarikat (AS), manakala berbanding dolar Australia sebanyak 5.66 peratus dan dolar Taiwan (5.26 peratus), selain turut mencatat kenaikan berbanding Yuan China dan dolar Singapura.



Anwar pada Waktu Pertanyaan Menteri di Dewan Rakyat, semalam.

(Foto BERNAMA)

"Kenaikan itu agak tinggi dan sangat meyakinkan, yang turut mempunyai kaitan dengan keyakinan (pelabur)," katanya.

Mengulas lanjut, Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan berkata, dasar seperti penyasaran subsidi turut menyumbang kepada prestasi ringgit, yang terbukti memberi kesan positif kepada rakyat.

Beliau bagaimanapun mengaiki langkah diambil kerajaan dalam memperkasa ekonomi itu tidak mudah termasuk menurunkan defisit, pada masa sama, turut perlu berbelanja lebih untuk pembangunan, pendidikan, kesihatan dan infrastruktur.

Daya tahan domestik penting

Menjawab soalan tambahan Datuk Dr Zulkaferi Hanapi (PN-Tanjung Karang) sama ada ringgit benar-benar kukuh atas kekuatan asas ekonomi Malaysia atau hanya dipacu langkah sementara, selain sejauh mana kerajaan boleh menjamin kestabilannya dalam jangka sederhana dan panjang, Perdana Menteri berkata, itu bergantung dasar dilaksanakan, selain kestabilan kerajaan dan keamanan negara.

"Dasar itu kita teruskan yang akan menambah keyakinan. Selain itu, ada faktor global, seperti Rizab Persekutuan AS. Penetapan kadar itu akan memberi kesan kepada seluruh dunia.

"Disebabkan itu, penampangnya adalah kekuatan domestik dan sebab itu saya tegaskan, daya tahan domestik itu penting. Apa-apa pertimbangan di luar, walaupun kita ambil sedikit per-

kiraan tetapi kita uruskan, negara harus ditadbir dengan bersih, dasar mesti wajar dan hala tuju jelas, pelaksanaan harus efisien, maknanya seluruh kekuatan kerajaan ke arah itu.

Sementara itu, Anwar menolak dakwaan sesetengah pihak yang terus-menerus menuduh Perjanjian Perdagangan Timbal Balas (ART) antara Malaysia dengan AS menggadai maruah serta kebebasan negara.

Mengulas perkara itu, Perdana Menteri Memberi contoh tiga perkara disifatkan sensitif bagi AS, iaitu membabitkan unsur nadi bumi (REE), semikonduktor dan isu penggunaan nilai mata wang tempatan.

Beliau menjelaskan walaupun tiga perkara itu memerlukan rundingan dengan AS - seperti tertakluk dalam perjanjian - ia tidak menghalang Malaysia untuk meneruskan kerjasama dengan negara lain.

Mengenai rundingan dengan Bank Negara Malaysia (BNM), Perdana Menteri menjelaskan, Artikel 4 Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) memperuntukkan rundingan IMF dengan BNM yang diputuskan sejak sekian lama bagi memberi teguran dan kritikan, namun tidak menjejaskan kedudukan BNM dalam menentukan dasarnya.

Pada masa sama Anwar menegaskan, walaupun AS memberi amaran mengenai penyertaan negara dunia dalam BRICS, Malaysia belum pernah tidak menghadiri mana-mana sidang yang dianjurkan blok ekonomi itu.